



NEGERI JOHOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 36  
No. 10

7hb Mei 1992

TAMBAHAN No. 9  
PERUNDANGAN

J. P.U. 14.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM  
(PINDAAN) 1991

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta 133.  
Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil berikut:

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 1991 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

2. Undang-undang Kecil 2 Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1986 yang disebut sebagai "Undang-undang kecil ibu" dalam Undang-undang Kecil ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja tafsiran "orang yang berkelayakan" tafsiran baru yang berikut:

"orang-orang yang kurang keupayaan" ertiinya orang-orang yang mempunyai kekurangan keupayaan fizikal, pendengaran atau penglihatan yang memberi kesan terhadap pergerakan atau penggunaan bangunan yang disebut di bawah undang-undang kecil 34A.

3. Undang-undang kecil ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja undang-undang kecil 34. undang-undang kecil baru 34A yang berikut:

Kehendak-  
kehendak  
bangunan  
untuk orang-  
orang yang  
kurang  
keupayaan.

34A. (1) Mana-mana bangunan atau bahagian dari padanya di mana undang-undang kecil ini terpakai hendaklah—

(a) disediakan akses bagi membolehkan orang-orang yang kurang keupayaan untuk masuk

Pindaan  
Undang-undang  
kecil 2  
J. P.U. 14/92.

Undang-undang  
kecil baru 34A.

ke dalam, keluar darinya dan dalam bangunan itu kecuali bagi mana-mana bahagian bangunan itu yang akses disediakan sepenuhnya atau sebahagian besarnya untuk pemeriksaan, penyelenggaraan atau pembaikan bangunan, perkhidmatan-perkhidmatannya atau loji atau jentera tetap; dan

- (b) direkabentukkan untuk kegunaan orang-orang yang kurang keupayaan.

(2) Kehendak-kehendak undang-undang kecil ini hendaklah disifatkan telah dipatuhi mengikut Piawaian Malaysia MS 1183 dan MS 1184.

(3) Bangunan-bangunan yang pada tarikh undang-undang kecil ini mula berkuatkuasa telah didirikan, sedang didirikan atau belum didirikan tetapi pelan-pelan telah dikemukakan dan diluluskan, hendaklah diubahsuai atau dipinda supaya mematuhi undang-undang kecil ini dalam masa 3 tahun dari tarikh penguatkuasaan undang-undang kecil ini.

(4) Walau apa pun perenggan (3) pihak berkuasa tempatan boleh jika ia berpuashati bahawa adalah perlu untuk berbuat demikian—

(a) membenarkan lanjutan atau lanjutan-lanjutan seterusnya suatu jangkamasa di mana kehendak-kehendak undang-undang kecil ini dipatuhi; atau

(b) membenarkan variasi, penyimpangan atau pengecualian sebagaimana yang ditentukan daripada mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini.

(5) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan di bawah perenggan (4) boleh dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan keputusan merayu secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Negeri yang keputusannya adalah muktamad.

(6) Kehendak-kehendak undang-undang kecil ini hendaklah terpakai bagi kesemua bangunan berikut atau mana-mana bahagian daripadanya:

(a) pejabat, bank, pejabat pos, kedai, gedung perniagaan, pasaraya dan lain-lain bangunan pentadbiran dan perdagangan; kecuali rumah kedai yang wujud pada masa berkuatkuasanya undang-undang kecil ini;

(b) bangunan-bangunan untuk perjalanan keretapi, jalamaraya, laut dan udara dan tempat-tempat yang berkaitan dengannya, bangunan tempat letak kereta dan kilang;

### **SENARAI PINDAAN**

<b><i>Undang-Undang yang meminda</i></b>	<b><i>Tajuk Ringkas</i></b>	<b><i>Berkuat kuasa dari</i></b>
Akta 160/1975	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29 haribulan Ogos 1975
J.P.U. 14/1992	Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 1991	7 haribulan Mei 1992
J.P.U. 42/1999	Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 1999	31 haribulan Ogos 2000
J.P.U. 28/2007	Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 2007	8 haribulan November 2007
J.P.U. 17/2012	Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 2012	29 haribulan March 2012

Nama Pemunya .....

Alamat Premis \* Pemasangan / Pemasangan-pemasangan .....

Jenis dan sifat \* pemasangan / pemasangan-pemasangan:

Sistem Penggera Kebakaran

Pancur Basah

Pancur Kering

Gelung Hos

Pemasangan Tetap Lain

Bangunan Terlindung .....

Bilangan Pancur (\*Basah / Kering) .....

Bilang alir masuk pam .....

Bilangan injap penurun .....

Bilangan tempat panggilan Penggera Kebakaran .....

Bilangan panel penunjuk .....

Tempat .....

Sambungan ke Balai Bomba .....

Bekalan Kuasa Sekunder .....

Bekalan Air: Bekalan air berikut telah dilengkapkan:

Bilangan Pili Bomba ..... Tempat/Tempat-tempat .....

..... Aliran minimum / dm<sup>3</sup>/jam .....

Sesalur Kerja Air / Sesalur Pancur .....

..... Diameter .....mm

Kolam Air Persendirian (jenis) ..... Muatan .....m<sup>3</sup>

Kadar alir keluar / penggantian oleh sesalur kerja air .....

..... Pam kuasa Gerakan .....Kadar Nominal .....dm<sup>3</sup>/jam

Bars ..... Mengambil air daripada .....

Ulasan (jika ada) dan peninggalan daripada TASB/JPB/Standard British / Peraturan-peraturan KPPB.....

.....  
Tandatangan orang yang mengemukakan